

## BAB II

### SEJARAH FELDA BUKIT GOH

#### 2.1 PENGENALAN

Dalam konteks negara, FELDA<sup>90</sup> dianggap sebagai salah satu institusi terpenting. Dalam proses pembangunan, erti kebajikan yang dilaksanakan dan diterapkan oleh gagasan pemikiran para pemimpin negara telah diterjemahkan dalam pelbagai pelaksanaan program dan projek yang melibatkan rakyat. Justeru, dalam pembinaan Malaysia, rakyat sama ada secara langsung atau tidak langsung tetap merasai nikmat yang sebahagiannya adalah berasaskan kepada legasi jasa yang dicetuskan para pemimpin negara.<sup>91</sup>

Masyarakat FELDA adalah merujuk kepada peneroka FELDA. Peneroka FELDA adalah panggilan atau istilah yang digunakan bagi merujuk pada peserta di tanah rancangan FELDA. Pasangan bagi peneroka ialah penerokawati yakni isteri kepada peneroka. Meskipun istilah '*Peneroka*' yang membawa maksud '*Memulakan*' atau '*Merintis*' digunakan, namun hanya peneroka di FELDA pertama iaitu Lurah Bilut sahaja yang memperlihatkan para peserta melakukan semua kerja penerokaan. Manakala di tanah rancangan FELDA yang dibuka selepas itu, setiap peserta telah disediakan rumah yang telah siap untuk diduduki serta kira-kira 10 ekar ladang yang telah ditanami getah atau sawit. Peneroka atau peserta FELDA mestilah dari kalangan rakyat Malaysia yang

---

<sup>90</sup> Merupakan singkatan kepada *Federal Land Development Authority* yang bermaksud "*Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan*". Ia ditubuhkan pada 1 Julai 1956 dan tujuan penubuhannya adalah untuk membangunkan tanah dan menempatkan penduduk di kawasan yang baru diteroka. Lihat Majalah Peneroka, bil. ke-2 (Kuala Lumpur: FELDA publisher, 2011), 6.

<sup>91</sup> Tuan Haji Khamis Mat Som, *Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 & Pembangunan Masyarakat FELDA* (Kertas kerja di Seminar Pentadbiran dan Perundangan Tanah untuk Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia, 15-16 Disember 2003), 9.

dikategorikan berada di bawah paras kemiskinan. Secara asasnya mereka tidak mempunyai rumah dan tanah sendiri serta tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang tetap. Tiada syarat perkauman dalam pemilihan peserta FELDA namun terikat dengan kuota yang ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kini setelah lebih 50 tahun pembukaan FELDA semakin ramai Peneroka FELDA yang sudah pun meninggal dunia. Tugas mereka disambung oleh anak-anak mereka sebagai generasi kedua.<sup>92</sup>

## **2.2 LATAR BELAKANG FELDA BUKIT GOH**

Bukit Goh bukanlah sebuah daerah atau mukim, tetapi merupakan salah satu tanah rancangan FELDA yang terletak di dalam mukim Kuala Kuantan. FELDA Bukit Goh telah ditubuhkan pada tahun 1967 dan dimajukan oleh FELDA. Ia telah dibangunkan berperingkat-peringkat sebanyak empat peringkat. Kawasannya meliputi kawasan pertanian seluas 2831.86 hektar. Manakala kawasan penempatan seluas 183.10 hektar. Jumlah peneroka yang ditempatkan di FELDA Bukit Goh adalah seramai 671 keluarga. Sumber pendapatan utama penduduk adalah kelapa sawit. FELDA Bukit Goh ditempatkan di DUN Sungai Lembing dan kawasan Parlimen Paya Besar. Namun begitu, tanah rancangan ini telah pun diberi pemilikan individu semenjak tahun 1975. Bukit Goh terletak lebih kurang 20 kilometer dari bandar Kuantan dan 25 kilometer dari bandar Sungai Lembing. Kawasan ini diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan di samping Pengurusan FELDA yang menyelia setiap pembangunan di sekitarnya.<sup>93</sup>

---

<sup>92</sup> *Ibid.*, 12.

<sup>93</sup> Mohd Ridhwan bin Abdullah (Penyelia, FELDA Bukit Goh), dalam temubual dengan pengkaji, 25 Januari 2010.

FELDA Bukit Goh yang terletak di daerah Kuantan, Pahang ini merupakan sebuah penempatan terancang dengan jumlah penduduknya adalah seramai 3000 orang. Manakala keluasan FELDA Bukit Goh ini ialah 7000 hektar. Komposisi etnik yang terdapat di FELDA Bukit Goh ini ialah 90% adalah merupakan masyarakat Melayu, manakala 5% masyarakat India dan 5% pula adalah masyarakat pendatang. Tiada masyarakat Cina yang menetap di kawasan tanah rancangan ini. Masyarakat FELDA Bukit Goh ini menjadikan kegiatan perusahaan kelapa sawit sebagai kegiatan ekonomi utama mereka. Masyarakat di sini majoriti beragama Islam dan sebahagian kecil beragama Hindu. Taraf hidup masyarakat di FELDA Bukit Goh ini adalah sederhana.<sup>94</sup>

### **2.2.1 Pengeluaran Hasil Tanaman Kelapa Sawit**

Kelapa sawit adalah merupakan kegiatan ekonomi utama masyarakat FELDA Bukit Goh. Jika diimbau dari awal penerokaan tanah untuk dijadikan tanaman kelapa sawit, penerokaan tanah untuk tujuan tersebut telah pun bermula sejak tahun 1966 hingga 1967 bagi peneroka Peringkat Pertama. Kemudian diteruskan pada tahun 1967 hingga 1968 bagi peneroka Peringkat Kedua. Diikuti pula proses tersebut pada tahun 1968 hingga 1969 bagi peneroka Peringkat Ketiga dan yang terakhir pada tahun 1972 hingga 1973 bagi peneroka Peringkat Keempat. Selepas melalui proses penerokaan tanah, maka bermulalah proses penanaman kelapa sawit bagi Peneroka FELDA Bukit Goh. Penanaman kelapa sawit bagi peneroka Peringkat Pertama bermula pada bulan 6 tahun 1968 dengan ladang seluas 1215.78 hektar. Manakala bagi peneroka Peringkat Kedua pula proses penanaman kelapa sawit bermula bulan 11 tahun yang sama dengan ladang

---

<sup>94</sup> Mustapha bin Ismail (Pengurus Bahagian Perladangan, FELDA Wilayah Kuantan), dalam temubual dengan pengkaji, 15 Januari 2010.

seluas 423.818 hektar. Peneroka Peringkat Ketiga pula pada bulan 12 tahun 1969 dengan ladang seluas 241.553 hektar. Yang terakhir ialah peneroka Peringkat Keempat penanaman sawit pada bulan 10 tahun 1973 dengan ladang seluas 155.039 hektar. Setelah kelapa sawit selesai ditanam secara berperingkat, maka hasil tanaman tersebut mula boleh dituai peneroka pada bulan 3 tahun 1970 bagi peneroka Peringkat Pertama, diikuti bulan 11 tahun 1970 bagi peneroka Peringkat Kedua dan Ketiga. Manakala peneroka Peringkat Keempat pula, hasil kelapa sawit mereka mula dapat dituai pada bulan 12 tahun 1978.<sup>95</sup>

Setelah hampir 20 tahun usia pokok-pokok kelapa sawit di FELDA Bukit Goh ini maka pihak pengurusan FELDA telah mengambil pendekatan untuk menebang semula dan ditanam dengan pokok-pokok kelapa sawit yang baru kerana pokok yang lama didapati sudah terlalu tua dan tidak produktif lagi dalam menghasilkan buah kelapa sawit. Oleh faktor yang demikian, maka bermulalah proses menebang pokok-pokok yang lama dan ditanam dengan pokok kelapa sawit yang baru bagi peneroka Peringkat Pertama pada bulan 3 tahun 1995. Kemudian diikuti oleh peneroka Peringkat Kedua dan Ketiga pada bulan 6 tahun 1994 Manakala peneroka Peringkat Keempat pula tanam semula bermula pada bulan 4 tahun 1997. Untuk penanaman semula kelapa sawit ini, tempoh yang dianggarkan bagi membolehkan pokok-pokok kelapa sawit berbuah dan dituai semula ialah dalam tempoh tiga tahun atau kurang. Oleh demikian, bagi peneroka Peringkat Pertama, hasil tanam semula mereka mula boleh dituai pada bulan 1 tahun 1998. Kemudian diikuti peneroka Peringkat Kedua dan Ketiga iaitu pada bulan 1 tahun 1997 iaitu setahun lebih awal dari peneroka Peringkat Pertama. Manakala peneroka Peringkat Keempat pula tahun berhasil ialah pada bulan 4 tahun 2000. Anggaran pendapatan pengusaha kelapa sawit ini ialah antara RM800.00 hingga RM1,500 sebulan. Selain itu terdapat juga dusun buah-buahan di kawasan ini. Pelbagai

---


<sup>95</sup> *Ibid.*

jenis pokok buah-buahan ditanam sebagai punca pendapatan sampingan. Sungguhpun begitu, kebanyakan buah-buahan yang ditanam hanya berbuah mengikut musim. Apabila buah-buahan ini sudah ranum, ia akan dijual kepada peraih sebelum dipasarkan di kawasan sekitar Kuantan.<sup>96</sup>

## 2.2.2 Carta Organisasi Pentadbiran FELDA Bukit Goh

Dalam membentuk satu komuniti yang tersusun dan bersistematik, FELDA telah menyusun satu organisasi yang bertujuan mentadbir urus segala hal berkaitan penduduk FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang. Carta organisasi pentadbiran FELDA Bukit Goh boleh dilihat seperti di bawah.

Rajah 2.2.2.1 Carta Organisasi Pentadbiran FELDA Bukit Goh



<sup>96</sup> Sabran bin Mohd Ali (Pengurus, FELDA Bukit Goh), dalam temubual dengan pengkaji, 13 November 2009.

### 2.2.3 Populasi Penduduk FELDA Bukit Goh

Penduduk FELDA Bukit Goh keseluruhan termasuk isi rumah adalah seramai 3000 orang penduduk. Namun jika dikira dari jumlah peneroka sahaja ialah seramai 700 orang. Penduduk FELDA Bukit Goh ini terbahagi kepada empat peringkat. Setiap peringkat terbahagi pula kepada blok-blok, di mana Peringkat Satu mempunyai 22 blok, Peringkat Kedua mempunyai 6 blok, Peringkat Ketiga mempunyai 3 blok dan Peringkat Keempat mempunyai 2 blok.<sup>97</sup> Jumlah keseluruhan penduduk bagi setiap blok bermula dari Peringkat Satu hingga Peringkat Empat adalah seperti dalam rajah di bawah.

Jadual 2.2.3.1 Taburan Populasi Penduduk FELDA Bukit Goh

PERINGKAT	BLOK	JUMLAH PENDUDUK	BLOK	JUMLAH PENDUDUK
1	1	19	12	14
	2	21	13	14
	3	19	14	20
	4	23	15	23
	5	21	16	24
	6	23	17	23
	7	25	18	21
	8	22	19	21
	9	21	20	22
	10	20	21	16
	11	20	22	14
PERINGKAT	BLOK	JUMLAH PENDUDUK	BLOK	JUMLAH PENDUDUK
2	1	23	4	19
	2	20	5	20
	3	20	6	18
PERINGKAT	BLOK	JUMLAH PENDUDUK		
	1	22		

<sup>97</sup> *Ibid.*

3	2	20
	3	19
<b>PERINGKAT</b>	<b>BLOK</b>	<b>JUMLAH PENDUDUK</b>
4	1	22
	2	20

Seperti dalam jadual 2.2.3.1 di atas, didapati peneroka Peringkat Satu mempunyai jumlah bilangan blok yang terbanyak iaitu sebanyak 22 blok, diikuti Peringkat Kedua sebanyak 6 blok, kemudian Peringkat Ketiga sebanyak 3 blok dan yang paling kecil jumlah blok ialah Peringkat Keempat dengan hanya mempunyai 2 blok sahaja. Manakala purata jumlah peneroka bagi setiap blok ialah di antara 14 hingga 24 orang setiap satu blok. Mereka mempunyai hubungan yang baik di antara satu sama lain, selalu bermuafakat dan ringan tulang dalam melakukan aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong, kenduri, majlis ilmu dan sebagainya. Amalan kunjung-mengunjung, bertegur sapa dan bersatu padu dalam segala hal sudah menjadi kebiasaan kepada penduduk di sini. Aktiviti pertanian juga berjaya mengeratkan hubungan persaudaraan sesama mereka.

Walau bagaimanapun masih terdapat budaya melepak di warung-warung, berbual kosong dan bermain dam. Budaya ini perlu dikikis kerana ianya tidak mendatangkan faedah dan hanya membuang masa. Sepatutnya masa yang terluang itu diisi dengan aktiviti-aktiviti berfaedah seperti melakukan kerja-kerja sampingan bagi menambah hasil pendapatan dan menjana ekonomi keluarga serta mengikuti kelas-kelas pengajian al-Qur'an untuk menambah ilmu pengetahuan.

## 2.2.4 Perjanjian Hak Milik Peneroka

Bagi memudahkan pihak FELDA menjalankan tugas yang diamanahkan, maka satu surat perjanjian antara FELDA dan peneroka telah dikeluarkan dan ditandatangani oleh setiap peneroka berdasarkan kepada syarat dan peraturan yang telah dipersetujui bersama berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab sebagai peneroka. Surat perjanjian ini akan dijadikan sebagai rujukan kepada pihak FELDA dan peneroka sekiranya timbul rasa tidak puas hati mengenai pelaksanaan peraturan. Dengan ini hubungan yang bersefahaman antara FELDA dan peneroka akan sentiasa terjalin. Terdapat empat jenis surat perjanjian yang perlu ditandatangani oleh peneroka iaitu:

- i. Surat Perjanjian Mula Masuk ke Rancangan.
- ii. Surat Perjanjian Berkuat kuasa Selepas Hak Milik.
- iii. Surat Perjanjian Tanam Semula.
- iv. Surat Perjanjian Pindaan.<sup>98</sup>

Dalam mengurniakan hak milik Peneroka, pihak FELDA telah menggariskan lima dasar bagi pengurniaan hak milik peneroka iaitu:

- i. FELDA akan mengesyorkan kepada Kerajaan negeri supaya peneroka dikurniakan hak milik setelah mereka menyelesaikan bayaran kembali (BK) iaitu kos pembangunan yang didahulukan oleh FELDA.
- ii. Kos pembangunan ini adalah terdiri daripada kos penyediaan tapak rumah, pembinaan rumah, kos pembangunan tanah, pinjaman persendirian dan lain-lain.

---

<sup>98</sup> Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, dikemaskini 5 Disember 2009, dicapai 8 Disember 2009, <http://www.felda.net.my/>.



- iii. Sebelum bayaran BK ini dijelaskan, FELDA menyiapkan kerja mengukur lot individu bagi setiap peneroka bagi kedua-dua kawasan kediaman dan pertanian.
- iv. Setelah pelan ukur ini diperakui oleh Pihak Berkuasa Ukur, permohonan hak milik dikemukakan ke Pentadbir Tanah untuk tindakan selanjutnya.
- v. Hak milik dikeluarkan kepada peneroka bagi kawasan kediaman dan mengikut pajakan 99 tahun serta sekatan kepentingan yang ditetapkan oleh pihak Berkuasa Negeri.

Bagi peneroka FELDA Bukit Goh, mereka juga tertakluk kepada syarat dan perjanjian hak milik tanah pertanian. Dalam tempoh perjanjian tersebut mereka tidak boleh sewenang-wenangnya melakukan apa-apa pengubahsuaian terhadap tanah pertanian mereka kecuali untuk aktiviti-aktiviti penanaman kelapa sawit. Setelah hampir 20 tahun mengusahakan ladang kelapa sawit, akhirnya peneroka FELDA Bukit Goh menerima hak milik tanah pertanian dan kediaman mereka iaitu bermula dari peneroka Peringkat Satu dan Dua yang menerima hak milik mereka pada bulan Ogos tahun 1992. Kemudian diikuti oleh peneroka Peringkat Tiga pada bulan Disember 1993 dan akhir sekali peneroka Peringkat Empat yang menerima hak milik mereka pada bulan Mei 1995.<sup>99</sup>

### **2.2.5 Institusi Peneroka**

Dalam memantapkan kepimpinan dan penglibatan peneroka dalam pengurusan rancangan, beberapa organisasi telah ditubuhkan dalam melaksanakan program-program yang bermanfaat kepada peneroka seperti :

---

<sup>99</sup> Sabran bin Mohd Ali (Pengurus, FELDA Bukit Goh), dalam temubual dengan pengkaji, 25 Januari 2010.

- i. Pengurusan Blok
- ii. Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR)
- iii. Gabungan JKKR
- iv. Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP)
- v. Gerakan Persatuan Wanita (GPW)

Kesemua Badan-badan peneroka ini memainkan peranan yang besar kepada pembangunan Institusi peneroka. Gabungan JKKR merupakan majlis tertinggi bagi peneroka di peringkat Wilayah bertujuan menggembelng pemikiran, usaha dan tenaga ke arah mencapai peningkatan pengeluaran hasil dan pembangunan ladang serta pembentukan keluarga peneroka yang sejahtera. Langkah kemuncak penglibatan dan penyertaan peneroka dalam pentadbiran dan pengurusan rancangan adalah melalui JKPP. JKPP merupakan badan pemesyuaratan tertinggi di mana ahli-ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Felda dan ketua-ketua peneroka dan penerokawati serta kepimpinan Belia. JKPP menjadi badan perhubungan dan perundingan di antara ketua-ketua peneroka dan Pengurusan Felda. Antara lain peranan JKPP ialah mengkaji, menyemak, menimbang serta mengambil ketetapan tentang dasar-dasar yang melibatkan peneroka.<sup>100</sup>

#### **2.2.6 Tatatertib Peneroka**

Di dalam mewujudkan suasana ketenteraman dalam masyarakat rancangan supaya kerja-kerja pembangunan dapat dijalankan dengan lancar, peneroka FELDA Bukit Goh perlu mematuhi peraturan-peraturan dan tatatertib yang telah ditetapkan oleh pihak FELDA. Peraturan-peraturan yang dikenakan adalah peraturan yang biasa terdapat

---

<sup>100</sup> Tuan Haji Khamis Mat Som, *op.cit.*, 20.

dalam masyarakat iaitu mereka dikehendaki mematuhi peraturan yang ditentukan oleh pengurus rancangan dan tidak menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh merosakkan ketenteraman kehidupan masyarakat di rancangan, tidak menjalankan kegiatan-kegiatan yang menyalahi peraturan dan undang-undang negara.

Usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk mewujudkan peneroka yang tinggi taraf sosioekonominya dan dapat membentuk keluarga peneroka yang bahagia. Dengan adanya peraturan-peraturan tersebut maka setiap peneroka dapat menumpukan segala usaha untuk meninggikan taraf sosioekonomi mereka. Segala unsur yang negatif yang menghalang usaha pembangunan perlulah dihapuskan.

Di antara kesalahan-kesalahan yang boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap peneroka seperti disingkir dari Tanah Rancangan adalah seperti berikut:

- i. Kesalahan jenayah dan penglibatan dengan dadah, sama ada yang disabitkan oleh Mahkamah atau yang didapati oleh Jawatankuasa Tatatertib peneroka telah membawa mudarat kepada mana-mana pihak.
- ii. Berzina, berkhawat dan kes penyelewengan agama, sama ada yang disabitkan oleh Mahkamah Syariah atau Jawatankuasa Tatatertib peneroka telah berpuas hati bahawa peneroka yang dituduh benar-benar melakukan atau terlibat dengannya.
- iii. Kesalahan tidak tinggal di rancangan bersama keluarga untuk tempoh yang lama, tanpa sebab dan tanpa mendapat kebenaran daripada pengurus rancangan.

iv. Kesalahan berkaitan dengan masyarakat dan pentadbiran seperti tidak mengerjakan ladang, menentang dasar-dasar kerajaan dan tidak mematuhi arahan-arahan pihak pentadbiran.<sup>101</sup>

Walau bagaimanapun, peneroka yang telah disingkir boleh membuat rayuan mengenai kesnya kepada jawatankuasa tata tertib Ibu Pejabat. Sekiranya rayuan tersebut ditolak, peneroka bolehlah merujuk rayuan berkenaan kepada timbang tara menteri yang bertanggungjawab kepada FELDA.

### **2.2.7 Aktiviti Kemasyarakatan**

Program Kemasyarakatan disusun untuk peneroka supaya mereka dapat melaksanakan aktiviti sosial dengan lebih teratur. Aktiviti-aktiviti ini diterajui melalui penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) yang menjadi badan induk untuk pelaksanaan aktiviti peneroka seperti Gerakan Persatuan Wanita, Belia dan acara-acara keagamaan. Di antara aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan di FELDA Bukit Goh ialah seperti:

#### **2.2.7.1 Aktiviti Keusahawanan**

Menurut Encik Sabran bin Mohd Ali (Pengurus FELDA Bukit Goh), punca utama pendapatan peneroka ialah daripada hasil sumber kebun mereka. Pendapatan daripada punca ini bergantung kepada hasil pengeluaran dan harga komoditi tersebut. Apabila kebun ditanam semula, peneroka bergantung pula kepada pinjaman sara hidup yang didahulukan oleh FELDA. Oleh demikian punca pendapatan daripada sumber lain

---

<sup>101</sup>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, dikemaskini 5 Disember 2009, dicapai 8 Disember 2009, <http://www.felda.net.my/>.

adalah diperlukan bagi mengurangkan tekanan beban ekonomi peneroka. Bagi peneroka di FELDA Bukit Goh ini amat digalakkan dalam usaha menambah pendapatan daripada punca selain kebun melalui pendekatan membantu bakal pengusaha untuk menjayakan perusahaan yang ingin mereka ceburi. Antara bentuk perusahaan yang diceburi oleh peneroka FELDA Bukit Goh untuk menambah pendapatan ialah mengusahakan keropok ikan dan kuih-kuih tradisional seperti bahulu, semprit dan kuih bunga durian. Produk IKS mereka ini dipasarkan di sekitar daerah Kuantan atau pun Kemaman, Terengganu.<sup>102</sup>

#### 2.2.7.2 Aktiviti Koperasi

Dalam meningkatkan pendapatan peneroka selain dari hasil ladang, Koperasi Permodalan FELDA (KPF) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1980 di bawah ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 (yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993). Ianya berperanan dalam meningkatkan pendapatan peneroka melalui pegangan saham dalam syarikat dan ditubuhkan sebagai agensi untuk anggota khususnya peneroka, menyertai kegiatan perniagaan/perkembangan syarikat-syarikat FELDA dan menikmati keuntungan dari pelaburan KPF melalui pemilikan ekuiti.<sup>103</sup>

Aktiviti pelaburan KPF di FELDA Bukit Goh ini telah diuruskan secara profesional dan membantu meninggikan taraf ekonomi anggota hasil daripada kegiatan simpanan dan pelaburan (dividen/bonus). Hampir 85% peneroka FELDA Bukit Goh telah menjadi ahli KPF di mana had pelaburan minimum yang dibenarkan kepada mereka ialah RM1,000.00 manakala maksimum ialah RM250,000/peneroka. Mereka yang layak menjadi ahli KPF ialah:

---

<sup>102</sup> Sabran bin Mohd Ali (Pengurus, FELDA Bukit Goh), dalam temubual dengan pengkaji, 25 Mac 2010.

<sup>103</sup> Majalah Peneroka, bil. ke-6 (Kuala Lumpur: FELDA publisher, 2009), 45.

- i. Peneroka-peneroka FELDA, isteri dan anak-anak.
- ii. Koperasi-koperasi peneroka FELDA.
- iii. Kakitangan-kakitangan FELDA yang sedang bertugas, isteri dan anak-anak mereka.
- iv. Pesara kumpulan FELDA yang sudah menjadi anggota koperasi sebelum bersara.
- v. Koperasi-koperasi kakitangan FELDA.<sup>104</sup>

### **2.2.8 Kemudahan Infrastruktur**

Di dalam meningkatkan kualiti hidup warga FELDA Bukit Goh, pelbagai kemudahan telah disediakan bagi mewujudkan keselesaan dan kesejahteraan dalam kalangan penduduk. Kemudahan-kemudahan ini telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Di antara kemudahan infrastruktur yang terdapat di FELDA Bukit Goh ini adalah seperti:

#### **2.2.8.1 Perumahan Warga FELDA (PWF)**

Taman Bukit Goh Perdana merupakan satu projek di bawah Perumahan Warga Felda (PWF) yang dilaksanakan untuk membantu generasi peneroka memiliki rumah mampu milik dengan selesa dan sempurna di samping membangunkan perkampungan FELDA secara teratur dan tersusun. Ini juga dapat membantu usaha kerajaan mempercepatkan pertumbuhan perumahan kos rendah kepada penduduk. Di antara kemudahan infrastruktur yang terdapat di FELDA Bukit Goh ialah seperti:

---

<sup>104</sup> Mohd Ariff bin Lutfi (Pengurus bahagian Permodalan, FELDA Wilayah Kuantan), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Mac 2010.

#### 2.2.8.2 Dewan Serbaguna

Dewan serbaguna ini dibina pada tahun 1992 untuk kemudahan warga FELDA Bukit Goh dalam menjayakan apa jua aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu ia turut disewa kepada orang luar yang ingin menganjurkan sebarang aktiviti. Dengan ini secara tak langsung ia menampung kewangan untuk kos penyelenggaraan.

#### 2.2.8.3 Balai raya

Dibina untuk kemudahan peneroka dan penerokawati FELDA membuat sebarang aktiviti tetapi dalam kuantiti yang terhad. Antara aktiviti-aktiviti yang berlangsung di Balairaya ini adalah seperti mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR), Gerakan Persatuan Wanita (GPW), kursus jahitan dan sulaman, kursus kemahiran komputer dan lain-lain lagi.

#### 2.2.8.4 Klinik Desa

Klinik Kesihatan ini dibina untuk kemudahan warga FELDA Bukit Goh menerima rawatan dan pemeriksaan kesihatan. Klinik di sini dikendalikan oleh tiga orang Pegawai Kesihatan dan lapan orang Jururawat yang terlatih bagi merawat sebarang bentuk kecederaan atau kemalangan ringan. Sekiranya kecederaan parah ia akan dirujuk ke Hospital Tengku Ampuan Afzan atau singkatannya HTAA yang terletak di bandar Kuantan.

#### 2.2.8.5 Padang Permainan

Untuk menggalakkan para Peneroka khususnya dari kalangan belia mengisi masa dengan aktiviti-aktiviti berfaedah, FELDA telah menyediakan dua padang bola untuk aktiviti riadah. Di samping itu, terdapat juga dua taman permainan kanak-kanak yang

terletak bersebelahan kedua-dua padang bola tersebut. Dari hasil pemerhatian penulis, didapati kemudahan-kemudahan tersebut telah digunakan dengan sebaik mungkin oleh masyarakat FELDA Bukit Goh terutamanya pada sebelah petang.

## **2.4 KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil kajian ini pengkaji merumuskan bahawa, generasi FELDA pada hari ini sangat bertuah jika dibandingkan dengan generasi awal sewaktu tanah rancangan mula-mula diteroka. Kini, segala kemudahan dari sudut pendidikan, tempat tinggal dan prasarana dapat dinikmati selesa oleh generasi FELDA pada hari ini.

Di FELDA Bukit Goh, terdapat banyak kemudahan asas yang disediakan oleh pihak FELDA demi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat di sini. Pihak FELDA berusaha untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti balairaya, masjid, pusat ICT dan sebagainya. FELDA juga membina taman-taman perumahan di dalam kawasan FELDA Bukit Goh untuk dibeli dan disewa oleh orang ramai. Namun keutamaan pemilikan rumah-rumah ini diberikan kepada generasi kedua FELDA Bukit Goh.

Senario kemudahan dan kesejahteraan prasarana di sini tidak hanya tertumpu kepada infrastruktur semata. Malahan yang lebih penting bagi pengkaji ialah, kemudahan dari sudut mendapatkan ilmu pengetahuan seperti kelas pengajian al-Qur'an dan tenaga pengajar yang berkecualan. Sewajarnya mereka tidak melepaskan peluang yang terhidang ini dengan menimba dan mencari sebanyak mana ilmu al-Qur'an melalui kelas-kelas pengajian al-Qur'an yang diadakan di masjid, surau mahu pun di rumah.



Justeru, pengkaji akan menerangkan dengan lebih menyeluruh berkaitan aktiviti dan kaedah pengajian al-Qur'an yang digunakankan di FELDA Bukit Goh dalam bab yang seterusnya.